

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah menggunakan simpanan negara dan pinjaman untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi susulan pandemik COVID-19, nyatakan :-

- (a) jumlah pinjaman bagi setiap bulan dari Januari 2021 sehingga Ogos 2021 dan nama pemberi pinjaman ; dan
- (b) jumlah rizab antarabangsa Bank Negara setakat bulan Ogos 2021 dan jumlah hutang luar negeri dan jumlah rizab negara setakat Ogos 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan sehingga Ogos 2021 adalah berjumlah 150.8 bilion ringgit yang diperoleh melalui terbitan instrumen berikut, iaitu:

- Sekuriti Kerajaan Malaysia (atau MGS) sebanyak 56.5 bilion ringgit;
- Pelaburan Kerajaan Malaysia (atau MGII) sebanyak 52.5 bilion ringgit;
- Bil perbendaharaan sebanyak 36.5 bilion ringgit; dan
- Pinjaman luar pesisir melalui terbitan Sukuk Global 2021 sebanyak 5.3 bilion ringgit.

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 65.5 bilion ringgit adalah untuk membiayai semula (atau *refinance*, dengan izin) hutang terdahulu yang matang dan 85.3 bilion ringgit untuk membiayai defisit fiskal termasuk, dengan izin *prefund* hutang yang akan matang dalam tahun semasa.

3. Dalam membiayai defisit fiskal pula, terimaan pinjaman ini digunakan untuk perbelanjaan pembangunan sebanyak 40 bilion ringgit dan Kumpulan Wang COVID-19 (atau KWC) sebanyak 20.8 bilion ringgit. Antara perbelanjaan utama KWC ialah Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Prihatin Nasional, Program Subsidi Upah, Geran Khas Prihatin, perbelanjaan berkaitan COVID-19, sokongan bantuan sosial untuk golongan mudah terjejas dan projek berskala kecil.

4. Sehingga akhir Jun 2021, pemegang kertas hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pegangan pemastautin (atau *resident holders*, dengan izin) sebanyak 72.6 peratus manakala bakinya bukan pemastautin (atau *non-resident holders*, dengan izin). Institusi kukuh dan berjangka panjang tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, syarikat insurans dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)

merupakan pemegang pemastautin (atau *resident holders*, dengan izin) utama merangkumi 31.6 peratus daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Manakala pemegang bukan pemastautin (atau *non-resident holders*, dengan izin) utama pula terdiri daripada pengurus dana serta bank pusat, supranasional dan kerajaan, dana persaraan dan institusi perbankan.

Tuan Yang diPertua,

5. Sehingga akhir Ogos 2021, jumlah hutang luar pesisir adalah sebanyak 30.5 bilion ringgit. Di samping itu, paras rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia atau rizab negara berjumlah 116.3 bilion US dolar atau bersamaan dengan 483.6 bilion ringgit. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan 1.3 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek. Paras rizab ini melebihi tanda aras amalan antarabangsa sebanyak 3 bulan import tertangguh. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak pernah menggunakan rizab antarabangsa untuk membiayai sebarang pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi susulan pandemik COVID-19 setakat ini.

Sekian, terima kasih.